



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 MAC 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

15 MAC 2023 (RABU)

Inisiatif Payung Rahmah Lotus's bantu rakyat

Kuala Lumpur: Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia), melancarkan Inisiatif Payung Rahmah Lotus's sebagai langkah mengurangkan tekanan kos sara hidup dihadapi rakyat Malaysia.

Memperluaskan sokongannya untuk pertumbuhan mampaan Malaysia dan usaha berterusan dalam mewujudkan impak yang positif kepada komuniti yang kurang berkemampuan di negara ini, Lotus's komited memperkenalkan Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Bakul Rahmah dan Menu Rahmah bermula semalam semua cawangan-nya seluruh negara.

Presiden Lotus's Malaysia, Kenneth Chuah berkata, ramai y tertekan dengan peningkatan kos sara hidup terutamanya golongan B10 dan B40.

"Kami harap dengan pengenalan Inisiatif Jualan Rahmah ini dapat membantu meringankan beban pelanggan kami dengan menyediakan penjimatan sehingga 50 peratus kepada mereka melalui 6,000 produk apabila mereka membeli-belah di semua cawangan Lotus's dan platform Lotus's Shop Online kami.

"Pelanggan boleh menikmati penjimatan daripada 30 peratus untuk produk makanan asas dan barangan kembali ke sekolah di bawah tawaran Pakej Rahmah dan pada masa sama dapat beli makanan di bawah Inisiatif Menu Rahmah iaitu berharga RM5 di semua medan selera Lotus's," katanya di majlis pelancaran Inisiatif Jualan Rahmah Lotus's di sini, semalam.

Hadir merasmikan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



Pelanggan juga boleh menikmati penjimatan daripada 30 peratus untuk produk makanan asas dan barangan kembali ke sekolah di bawah tawaran Pakej Rahmah"

Kenneth Chuah

(KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Sementara itu, Salahuddin berkata setakat ini terdapat 1,500 premis makanan yang mengambil bahagian dalam Inisiatif Jualan Rahmah di seluruh Malaysia.

"Sekarang hampir 1,500 premis atau kedai makanan yang berdaftar dengan KPDN dan hari ini 354 lot kedai di medan selera Lotus's mengambil bahagian menjual menu Rahmah dan itu menjadikan jumlah yang menyertai inisiatif ini bertambah dari hari ke hari.

"Ia menunjukkan kesan sangat positif daripada rakyat negara kita yang terus memberi sokongan.

"Selepas ini lebih banyak pasar raya besar akan terbahit dalam program Rahmah di mana dalam senarai kita ada 15 pasar raya besar dan pasar raya dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

Sehingga Disember 2022, Lotus's Malaysia sudah menyumbangkan lebih 2.42 juta kilogram makanan bersamaan dengan 10.4 juta makanan kepada individu dan keluarga B10 dan B40 melalui rakan kongsi amal Food Aid Foundation dan Kechara Soup Kitchen.



SALAHUDDIN (tengah) melancarkan Inisiatif Jualan Rahmah Lotus's.

Pamer harga susu formula pada paket elak pencatutan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mewajibkan syarikat yang mengilang atau mengimport meletakkan harga disyorkan pada paket pembungkusan atau tin susu formula yang dijual dalam negara.

KPDN dalam kenyataan kepada Harian Metro berkata, ia bagi membolehkan pengguna mendapat gambaran harga, manakala pihak pemborong atau peruncit mendapat margin sesuai tanpa mana-mana pihak mengambil kesempatan.

Menurutnya, dalam masa sama, kementerian sentiasa melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan terhadap barangan keperluan rakyat.

"Ini perlu dilaksanakan supaya tiada pihak cuba mengaut keuntungan tinggi yang tidak munasabah (mencatut) semasa membuat penetapan harga jualan.



Ini perlu dilaksanakan supaya tiada pihak cuba mengaut keuntungan tinggi yang tidak munasabah (mencatut) semasa membuat penetapan harga jualan"

KPDN

"Sekiranya berlaku kenaikan harga mendadak, KPDN boleh menguatkuasakan peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi menyasat kenaikan berkenaan.

"Mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga barangan secara melampau boleh diberikan notis di bawah Seksyen 21 AKHAP bagi siasatan. Sekiranya didapati mencatut, tindakan tegas boleh diambil terhadap pi-

hak terbabit," katanya.

Mengulas lanjut, kenyataan itu berkata, KPDN mengawal harga dan bekalan barangan keperluan utama pengguna seperti minyak masak, bahan api, gas memasak dan beberapa barangan mengikut AKHAP 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, selain itu, KPDN mengawal harga barangan keperluan utama pada musim perayaan bagi memastikan harganya tidak melonjak, namun kawalan itu berbentuk jangka pendek bagi hanya musim perayaan berkenaan.

"Harga barang lain ditentukan oleh kuasa pasaran menerusi faktor permintaan dan penawaran.

"Barangan terdedah kepada kos input dari luar negara mengalami perubahan harga sejajar pergerakan kos di negara terbabit dan kadar tukaran mata wang asing," katanya.

Serap 1,500 pegawai pemantau harga ke jawatan tetap

KUANTAN: Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) menggesa kerajaan menyerap 1,500 pegawai pemantau harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ke jawatan tetap.

Sehingga kini, pegawai terbabit masih bertaraf kontrak sejak jawatan itu diwujudkan pada 1 April 2008 yang antara lain berperanan memantau kenaikan dan penurunan harga barangan.

Pegawai pemantau harga di bawah Majlis Harga Barang Negara (MHBN) sejak itu menjadi 'mata dan telinga' kerajaan terutama dalam mengkaji senario kenaikan harga serta bekalan sama ada di peringkat pengilang, pembekal, pemborong atau peruncit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden YPNM, Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, ini masa yang sesuai untuk berbuat demikian ketika kerajaan sedang berdepan isu-isu ketirisan barangan bersubsidi negara yang jumlahnya berbilion ringgit seperti, diesel, petrol, minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG).

Beliau berkata, walaupun KPDN mempunyai 2,100 anggota penguat kuasa yang bekerja keras memantau perkara itu, ketirisan tetap berlaku sehingga menjejaskan sosioekonomi pengguna dan ekonomi negara.

"Pegawai-pegawai terbabit sejak jawatan tersebut diwujudkan telah memberi khidmat yang terbaik mengkaji senario kenaikan harga bekalan di semua peringkat kilang, pemborong dan peruncit.

"Di atas sumbangan diberikan, sudah sampai masa pekerja terbabit diserap ke jawatan tetap seterusnya dapat terus memberikan khidmat menangani ketirisan dan salah guna barangan bersubsidi yang dianggarkan ketirisannya berbilion ringgit," katanya di sini semalam.

Firdaus berkata, tidak ditolak kemungkinan berlaku peningkatan kos kerajaan untuk membiayai gaji dan elaun 1,500 pegawai pemantau harga terbabit apabila diserap sebagai penjawat awam berjawatan tetap.

Namun katanya, apa yang penting kerajaan menghargai sumbangan pegawai terlibat.



Call to **expand reach** of Menu Rahmah benefits

➤ CAP suggests inclusion of non-food establishments such as telcos, utility firms and housing developers

BY **ARINA MUSTHAFA**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Consumer Association of Penang (CAP) has called on non-food and beverage businesses to follow the Menu Rahmah concept and offer lower service charges and discounts to the people.

Its president Mohideen Abdul Kader said Menu Rahmah should not be confined only to food and beverage establishments but also involve other businesses and services, especially essential ones that meet the basic needs of the lower-income group.

"These can include those dealing with school supplies, electricity, telecommunications and affordable housing. The retail price and rates of their products can be lowered to help the people during this time of need."

Mohideen said thousands of people lost their jobs during the Covid-19 pandemic and are unable to sustain the high cost of living due to global inflation.

Menu Rahmah was set in motion by the government, which roped in food and beverage operators to alleviate the people's burden through affordable meals.

"Apart from food retail establishments, stakeholders in the telecommunication and

electricity sectors could reduce their rates, while those in the housing industry could look into rental options for their unsold units. These are just temporary measures.

"However, any extension of the Menu Rahmah initiative to other businesses and services must be sustainable to reduce any potential losses to participants, while effectively targeting only the B40 and M40 for the discounted services," he told *theSun*.

Mohideen also suggested the government prioritise agriculture to ensure the industry is sustainable in terms of food supply and prices in the long run.

"The only improvement that Menu Rahmah needs at the moment is to extend the concept of people getting quality meals within RM5, to other essential industries and services."

Universiti Utara Malaysia School of Economics, Finance and Banking senior lecturer Dr Abu Sufian Abu Bakar said the idea of extending the concept to other services can be done. But it needs a cost-effective execution mechanism.

"There are many variables that could extend the Menu Rahmah concept for implementation in other industries. This will be more challenging than the RM5 meals sold at eateries.

"The government, under the Domestic Trade and Cost of Living, Economy, and Agriculture and Food Security ministries need to oversee the supply and demand dynamics for this to work.

"Whether the discounts are given through segregation of income (groups) or the difference of inflation between cities and states, need to be looked into as well."

Abu Sufian said last month, the Transport Ministry implemented a similar concept as Menu Rahmah, the MyRailLife initiative, where school students and the differently-abled can ride for free on Keretapi Tanah Melayu Berhad trains in the Klang Valley.

He added that the Communications and Digital Ministry also launched a "Unity Package" in December for prepaid mobile internet plans at a low price of RM5 per month.

"Monitoring the Consumer Price Index is the key to reducing the cost of services while maintaining their quality.

"In the index, food is the most essential and has inflated on average by 6.75% since the beginning of the year, compared with 3.6% in 2022.

"Reacting to the data, and encouraged by the government, food establishments started to offer cheaper options," he said.

"If the situation becomes worse, the government is expected to introduce food-related policies and targeted subsidies so businesses will not lose confidence and collapse from loss of profits."



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

15 MAC 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 MAC 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Mar	Lotus's Malaysia sertai Inisiatif Payung RAHMAH bantu kurangkan kos sara hidup	https://suaramerdeka.com.my/lotuss-malaysia-sertai-inisiatif-payung-rahmah-bantu-kurangkan-kos-sara-hidup/	SUARAMERDEKA
15-Mar	Lotus's Malaysia Menyertai Program RAHMAH Untuk Membantu Mengurangkan Tekanan Kos Sara Hidup	https://siakapkei.my/2023/03/14/lotuss-malaysia-menyertai-program-rahmah-untuk-membantu-mengurangkan-tekanan-kos-sara-hidup/	SIKAPKEI
15-Mar	Lotus's Malaysia joins the RAHMAH programme to help reduce cost of living pressures	https://m.malaysiakini.com/announcement/658609	MALAYSIKINI
15-Mar	Bekalan gula untuk kegunaan tempatan mencukupi	https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/14/bekalan-gula-untuk-kegunaan-tempatan-mencukupi	UMBORNEO
15-Mar	Here's How You Can Find Local Restaurants That Offer Menu Rahmah Meals	https://www.google.com/amp/s/hype.my/2023/318927/heres-how-you-can-find-local-restaurants-that-offer-menu-rahmah-meals/amp/	BLOG
15-Mar	FIM 2023 dijangka raih potensi pelaburan RM550 juta	https://www.edisi9.com.my/2023/03/rm500-juta-potensi-pelaburan-dijangka-diraih-pada-fim2023/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=rm500-juta-potensi-pelaburan-dijangka-diraih-pada-fim2023	EDISI9
15-Mar	KPDN sasar potensi pelaburan FIM 2023 cecah RM550 juta	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-sasar-potensi-pelaburan-fim-2023-cecah-rm550-juta/	UM
15-Mar	Pempamer FIM2023 disaran mula cari potensi rakan niaga	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2173131	BERNAMA
15-Mar	Pempamer FIM2023 disaran mula cari potensi rakan niaga	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=2173111	BERNAMA

15-Mar	KPDN Sasar Potensi Pelaburan RM550 juta Pameran FIM 2023	https://suara.tv/14/03/2023/kpdn-sasar-potensi-pelaburan-rm550-juta-pameran-fim-2023/	SUARATV
15-Mar	Menu Rahmah bukan tujuan jadikan peniaga makanan lebih kaya	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/03/menu-rahmah-bukan-tujuan-jadikan-peniaga-makanan-lebih-kaya/	UM
15-Mar	Menu Rahmah sukarela, kata kementerian di sebalik kebimbangan harga barang	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/14/menu-rahmah-sukarela-kata-kementerian-di-sebalik-kebimbangan-harga-barang/	FMT
15-Mar	Kawal ketat harga bahan kuih raya di Selangor	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kawal-ketat-harga-bahan-kuih-raya-di-selangor/	UM
15-Mar	Kekaboo perkenal Tudung Bawal Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249685	SH
15-Mar	Lotus's Malaysia sertai program Rahmah, bantu kurangkan kos sara hidup	https://mediavariasi.com/2023/03/lotuss-malaysia-sertai-program-rahmah-bantu-kurangkan-kos-sara-hidup/	MEDIAVARIASI
15-Mar	Ingin Kurangkan Beban Kos Rakyat, Lotus's Malaysia Sertai Program RAHMAH	https://www.google.com/amp/s/www.buzzkini.com/gayahidup/2023/03/14/ingin-kurangkan-beban-kos-rakyat-lotuss-malaysia-sertai-program-rahmah/amp/%3futm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=ingin-kurangkan-beban-kos-rakyat-lotuss-malaysia-sertai-program-rahmah	BUZZKINI
15-Mar	70% rangkaian pasar raya sertai Jualan Rahmah - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/70-rangkaian-pasar-raya-sertai-jualan-rahmah-salahuddin	SUARAKEADILAN

15-Mar	Lotus's lancar Payung Rahmah bantu kurangkan kos sara hidup	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/249705	SH
--------	---	---	----